

Warga Klang Selatan rimas banjir kilat kerap berlaku libatkan sekolah

Dakwa saliran tidak disenggara

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**
dan **ABDUL RAZAK IDRIS**
pengarang@utusan.com.my

KLANG 27 Mac - Banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Klang Selatan di sini ekoran hujan lebat kira-kira pukul 9 pagi ini menyebabkan para penduduk kawasan tersebut berasa gelisah kerana kemungkinan kejadian sama berulang.

Ini berikutan keadaan sistem perparitan dan longkang di daerah ini yang mungkin tidak disenggarakan dengan baik membuatnya tidak mampu menampung taburan hujan yang tinggi selain menerima kesan faktor pasang surut air laut.

Dalam kejadian banjir kilat pagi ini, kawasan-kawasan yang terjejas termasuk Jalan Kebun, Sungai Udang, Kampung Delik, Taman Chi Liung, Taman Sentosa dan sepanjang Persiaran Raja Muda Musa yang melibatkan Sekolah Menengah La Salle dan Sekolah Menengah Tuanku Ampuan Rahimah (STAR).

Keadaan trafik di sepanjang Persiaran Raja Muda Musa menjadi sesak akibat kereta bergerak perlahan-perlahan di Simpang Lima dengan kenderaan berat dan sederhana cuba melepasi laluan untuk ke Pelabuhan Klang dan Banting.

Banjir kilat di Klang Selatan merupakan perkara biasa apabila mu-



BEBERAPA pelajar Sekolah Menengah Tuanku Ampuan Rahimah meredah air berikutan banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Klang Selatan, Klang, pagi semalam.

sim tengkujuh tetapi tindakan perlu diambil oleh kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengatasinya agar tidak berlaku kejadian lebih buruk pada masa depan.

Pengetua STAR, Rahmah Arsad berkata, beliau tidak menyangka terpaksa menghadapi masalah banjir kilat beberapa kali semenjak ber-

khidmat di sekolah tersebut.

"Warga sekolah semakin rimas dengan banjir kilat yang kerap melanda sejak kebelakangan ini yang mungkin berpunca dari sistem perparitan yang tidak sempurna di kawasan sekitar sekolah kami.

"Jika parit disenggara dengan baik limpahan air hujan dari parit dan longkang tidak akan terus berlaku tiap kali hujan lebat melanda

Klang Selatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima lawatan mengejut Timbalan Pengarah Pelajaran Selangor, Mahmud Karim bagi memantau situasi banjir kilat di STAR.

Rahmah berkata, banjir yang melanda menyebabkan pihaknya sukar merancang bagi mengindahkan landskap sekolah untuk penilaian pihak Kementerian Pelajaran.

"Kami warga pendidik berharap pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan proaktif memperbaiki masalah perparitan kerana ia melibatkan hampir 1,796 murid sekolah di sini," katanya.

Sementara itu, Raymond Tan, 40 dari Taman Palm Grove di sini berkata, kejadian banjir kilat di Klang Selatan juga disebabkan faktor pasang surut air laut dan kelemahan pembangunan sistem perparitan dan saliran di daerah ini.

"Di Klang, meskipun tidak menenggelamkan rumah penduduk tetapi banjir tetap memberikan masalah kepada kami di sini. Apa yang menjadi masalah ialah apabila pembangunan di sini banyak dilakukan tanpa merujuk kepada unit perancang kerajaan negeri.

"Pemaju hantar pelan merancang kepada pihak berkuasa tempatan tetapi unit perancang tidak tahu. Sudah banyak kali cakap tetapi kebanyakan pembangunan masih dilakukan di bawah aras laut.

"Tengok di kawasan Jalan Kebun atau Telok Gong, itu semua bawah paras air laut, kalau berterusan lagi macam ini, banjir besar mungkin boleh berlaku.

"Kalau macam ini, lebih baik perancangan yang dibuat pada zaman British, mereka ambil kira semua laluan air," katanya.